

## **ARTIKEL KESELAMATAN JALAN RAYA**

### **MENUNGGANG TANPA LESEN DI KALANGAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH**

---

Malaysia merupakan antara negara-negara ASEAN dengan kadar kematian ketiga tertinggi disebabkan oleh kemalangan jalan raya dengan purata 23.6 per 100 000 kematian (WHO,2016). Pada tahun 2018, Malaysia mencatat jumlah kematian keseluruhan akibat nahas jalan raya sebanyak 6,284. Dari jumlah tersebut, sebanyak 59.8% (3.755) kematian melibatkan penunggang motosikal dengan jumlah kematian 781 di kalangan penunggang berumur antara 16 hingga 20 tahun dan 584 kematian melibatkan lingkungan umur 21 hingga 25 tahun (PDRM, 2018). Di Malaysia, kelayakan umur untuk mendapatkan lesen motosikal adalah 16 tahun berbanding lesen kereta iaitu 17 tahun. Kajian yang dijalankan terhadap 921 pelajar dari 32 buah sekolah menengah mendapati sebanyak 62.4% pelajar yang menunggang motosikal tidak mempunyai lesen menunggang. Manakala, 89.8% pelajar mengakui bahawa mereka mempunyai pengalaman menunggang tanpa lesen sebelum ini. Apabila ditanya berkenaan umur mereka untuk penunggangan pertama, didapati min keseluruhan adalah 12.75 tahun. Ini menunjukkan bahawa secara puratanya, pelajar mulai menunggang motosikal seawal umur 12 hingga 13 tahun. Yang lebih menyedihkan pula, 62.6% ibu bapa pelajar tersebut tidak menghalang atau tidak melarang anak mereka daripada menunggang motosikal tanpa lesen.

Persoalannya, adakah pelajar menunggang tanpa lesen tidak menghormati peraturan jalan raya dan tidak berasa takut dikenakan saman? Hasil kajian menunjukkan daripada 575 pelajar yang menunggang tanpa lesen, didapati 88.2% tidak pernah disaman. Persoalan seterusnya, adakah pelajar yang menunggang tanpa lesen cenderung terlibat dalam risiko kemalangan jalan raya? Hasil kajian menunjukkan bahawa lebih separuh atau 57.6% pelajar menunggang tanpa lesen terlibat dalam kemalangan jalan raya. Daripada jumlah tersebut, 15.7% mengalami cedera parah, 76.9% mengalami cedera ringan dan 7.4% tidak mengalami kecederaan. Pelajar

sekolah menengah juga mendedahkan sebab-sebab mereka menunggang motosikal. Antara sebab utama adalah kerana motosikal merupakan mod pengangkutan harian atau pengangkutan ke sekolah bagi mereka (72.2%). Sebab -sebab lain termasuklah permintaan daripada ibu bapa (13.2%), hiburan/keseronokan (8.6%), pengaruh kawan ( 3.5%) dan lain-lain sebab (2.5%).

Justeru itu, pihak berkuasa dan pihak berkepentingan harus bekerjasama untuk mengatur program keselamatan jalan raya yang berkaitan dengan keselamatan jalan raya di sekolah. Semua pelajar yang menunggang motosikal harus digalakkan untuk mengikuti program ini termasuk mereka yang layak memohon lesen dan mereka yang belum layak (di bawah umur minima untuk mendapatkan lesen). Matlamatnya ialah untuk memberi mereka pengetahuan dan mendedahkan mereka kepada risiko dan bahaya yang bakal dihadapi jika memilih menjadi seorang penunggang motosikal. Amat sukar untuk menghalang mereka sepenuhnya dari menunggang tanpa lesen, tetapi sekurang-kurangnya, mereka diberi kefahaman betapa pentingnya keselamatan jalan raya untuk mengurangkan risiko kemalangan dan kecederaan dan seterusnya menyelamatkan nyawa mereka. Program-program tersebut harus dilaksanakan di semua sekolah di Malaysia dengan objektif untuk mengurangkan kadar kemalangan dan kecederaan di kalangan penunggang motosikal muda.

**Penulis:**

**Dr. Sharifah Osman @ Liew Shyuan Yei**

Pegawai Penyelidik Sosial

Unit Analisa Tingkahlaku dan Pendidikan (BehavE)

Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS)

Lot 125-135, Jalan TKS 1, Taman Kajang Sentral, 43000 Kajang, SELANGOR

Tel: 03 - 8924 9200 E-mel: [inquiry@miros.gov.my](mailto:inquiry@miros.gov.my)



\*\* Gambar diambil sebelum pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).